

04 JUN 2002

PTPTN TAK DAPAT BERI PINJAMAN PENUH, KATA PM

PUTRAJAYA, 4 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) tidak dapat memberi pinjaman penuh kepada pelajar swasta kerana langkah itu boleh menjejaskan peluang pelajar lain yang ingin meminjam darinya.

Beliau berkata pinjaman yang diberikan sekarang merupakan pinjaman mudah, dan ibu bapa harus mencari sumber lain bagi menampung perbelanjaan anak-anak mereka di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).

"Kalau kita bagi (pinjaman) penuh, maka separuh daripada mereka (pelajar) mungkin tidak mendapat langsung. Jadi bila kita bagi RM5,000 lebih ramai yang dapat," katanya ketika mengulas isu 30 buah IPTS bumiputera yang dilaporkan dijangka "gulung tikar" dalam masa terdekat berikutan masalah kewangan yang dihadapi mereka.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, berkata demikian pada persidangan berita selepas mempengerusi Dialog Belanjawan 2003 di Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Akhbar tempatan hari ini melaporkan antara sebab IPTS itu dijangka terpaksa ditutup ialah menghadapi masalah kewangan disebabkan 80 peratus pelajar bumiputera yang ditawarkan ke IPTS pada sesi ini menolak tawaran itu kerana pinjaman PTPTN sebanyak RM5,000 dikatakan tidak mencukupi.

Dr Mahathir berkata sebelum ini tidak ada langsung peruntukan seperti yang diberikan melalui PTPTN sekarang.

"Kita nak tolong seberapa yang boleh (tapi) banyak mana bagi tidak (akan) cukup," katanya.

-- BERNAMA

RV MAM HS HK NMO